- ⁶ ADB 仅适用于投保年龄为60岁及以下。意外身亡惠益保至保单满15年，或直至受保者满65岁，视何者为先。须符合条件与规则。请参阅保单合同以了解更多详情。
- ⁷ 若不失效保证已遭撤销，**Wealth Pot** 的金额只等于基本账户价值加上 GCP 账户价值。
- ⁸ 年收入将从第16个保单年度开始从账户价值中支付，条件是扣除支付金额后，账户价值余额至少还有 RM5,000。受保者死亡或保单届满后（视何者为先），年收入惠益随即终止。
- ⁹ 客户只可在指定期限内更改计划。Manulife 将发出通知给保单持有人。若没接到回应，Manulife 将根据原有计划继续执行保单。
- ¹⁰ Manulife 为同一个受保者签批的综合寿险保单的保额将全部相加起来。
- ¹¹ 唯有当所有保费都已按期付清。
- ¹² 信托保单在保单持有人指定配偶或孩子为受益人时成立，受益人可得到保单持有人的死亡惠益。这也表示，债权人无法从死亡惠益中追讨债务。若保单持有人在指定受益人时没有配偶或孩子，他可委任父母其中一人为受益人，并成立信托保单。敬请留意，这可能不适用于穆斯林保单持有人。

Bankasurans EliteLife Signature Saver*

Uruskan Kekayaan Anda Hari Ini Demi Masa Depan Yang Lebih Terjamin

Ini adalah produk insurans.

Terdapat pelbagai cara untuk menjamin kedudukan kewangan, untuk anda dan keluarga anda.

Uruskan kekayaan anda dengan **EliteLife Signature Saver**, satu pelan simpanan elit yang membantu anda mencapai matlamat kewangan dalam jangka pertengahan dan panjang.

Raih manfaat tempoh pembayaran premium singkat dengan menabung dana selama 3 tahun sama ada untuk membiayai usaha niaga baharu yang sedang anda rancang, menerima aliran pendapatan tetap sepanjang hayat, atau berkongsi hasil kekayaan anda dengan keluarga anda.

EliteLife Signature Saver membantu anda mencapai matlamat kewangan sambil kekal melindungi anda.

*Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Manulife Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).
Manulife Insurance Berhad adalah ahli PIDM.





TEMPOH PEMBAYARAN PREMIUM SINGKAT

Nikmati tempoh pembayaran premium singkat 3 tahun sahaja dan pilih tempoh perlindungan daripada pilihan pelan yang sedia ada:

Pilihan Pelan	Tempoh Perlindungan
Wealth-88	Sehingga usia 88 tahun
Wealth-88-Plus	Sehingga usia 88 tahun
Wealth-15	15 tahun



BAYARAN TUNAI TERJAMIN (GCP)¹

Terima GCP tahunan bermula dari akhir tahun polisi pertama.

Akhir Tahun Polisi	GCP (% Premium Tahunan)
1 - 15	5%

Pilih untuk menerima GCP yang dibayar ATAU kumpulkan GCP dengan Manulife di bawah Akaun GCP untuk meraih Kadar Faedah Kredit untuk potensi kenaikan. Jumlah dalam Akaun GCP boleh dikeluarkan pada bila-bila masa apabila diperlukan.



POTENSI KENAIKAN DENGAN KADAR FAEDAH KREDIT MINIMUM TERJAMIN

Nikmati potensi pulangan pelaburan menerusi Kadar Faedah Kredit² bulanan yang diisytiharkan daripada Manulife Universal Life Fund.

Walaupun persekitaran pasaran kurang memberangsangkan, Kadar Faedah Kredit bersih tidak akan menjadi negatif. Ia dijamin pada kadar minimum 2% setahun untuk tempoh lima tahun pertama dan 0% pada tahun-tahun berikutnya.



PERLINDUNGAN INSURANS BERTAMBAH

Sekiranya berlaku kematian atau Kehilangan Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)³ dalam tempoh 15 tahun pertama, manfaat berikut akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus:

Tahun Polisi	Manfaat Kematian ⁴ atau TPD
1 - 2	Jumlah Premium Modal Dibayar ⁵ tolak jumlah GCP dbayar DITAMBAH Nilai Akaun GCP, jika ada
3 - 15	Nilai lebih tinggi antara: • 105% (Jumlah Premium Modal Dibayar ⁵ tolak jumlah GCP dibayar); ATAU • Nilai Akaun Asas DITAMBAH Nilai Akaun GCP, jika ada

Sekiranya berlaku Kematian Akibat Kemalangan dalam tempoh 15 tahun pertama, manfaat berikut akan dibayar sebagai tambahan kepada Manfaat Kematian:

Tahun Polisi	Manfaat Kematian Akibat Kemalangan (ADB) ⁶	Manfaat Dibayar
1 - 15	Kematian Akibat Kemalangan	200% daripada Nilai Muka asas
	Kematian Akibat Kemalangan semasa menaiki Pengangkutan Awam, lif atau lif elektrik atau disebabkan kebakaran dalam Bangunan Awam	400% daripada Nilai Muka asas



WEALTH POT

Pada akhir Tahun Polisi ke-15, satu **Wealth Pot** bersamaan jumlah sekali gus seperti di bawah akan dicipta:

Keadaan Polisi pada Akhir Tahun Polis ke-15	Jumlah Wealth Pot
Dengan Jaminan Tidak Luput dikekalkan	Nilai lebih tinggi antara: i) 110% daripada Jumlah Premium Modal Dibayar tolak jumlah GCP dibayar; atau ii) Nilai Akaun Asas ditambah Wealth Booster [#] DITAMBAH sebarang Nilai Akaun GCP
Jaminan Tidak Luput telah dimansuhkan	Nilai Akaun Asas DITAMBAH sebarang Nilai Akaun GCP

[#]**Wealth Booster** bersamaan **3%** daripada **Nilai Akaun Asas** pada akhir Tahun Polis ke-15.



PEMBAYARAN SEKALI GUS SEMASA MATANG

Bagi pelan Wealth-88 atau Wealth-88-Plus, amaun **Wealth Pot** akan kekal dilaburkan dalam Manulife Universal Life Fund sehingga Orang Yang Diinsuranskan berusia 88 tahun untuk berkembang bersama Kadar Faedah Kredit.

Berasaskan pelan yang dipilih, anda akan menerima manfaat berikut jika Orang Yang Diinsuranskan masih hidup pada Kematangan:

Pilihan Pelan	Manfaat Kematangan
Wealth-88	110% daripada Nilai Akaun akan dibayar
Wealth-88-Plus	Anda akan menerima Pendapatan Tahunan ⁸ 5% daripada Nilai Akaun pada setiap akhir tahun polisi bermula dari Tahun Polisi Ke-16 Apabila matang, 110% daripada baki nilai akaun akan dibayar
Wealth-15	Jumlah daripada Wealth Pot akan dibayar



FLEKSIBILITI UNTUK MENUKAR PILIHAN PELAN

90 hari sebelum **Wealth Pot** dicipta, anda ada fleksibiliti untuk menukar antara pilihan pelan yang disediakan untuk memenuhi keperluan kewangan baharu anda jika matlamat kewangan asal anda telah berubah⁹.



PERMOHONAN TANPA KERENAH

Tiada pengunderaitan perubahan diperlukan untuk Nilai Muka sehingga RM1,000,000 setiap hayat¹⁰.



JAMINAN TIDAK LUPUT¹¹

Polisi anda akan terus berkuat kuasa walaupun Nilai Akaun Asas tidak cukup untuk membayar Caj Polisi.



PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

Nikmat pelepasan cukai pendapatan tertakluk kepada syarat-syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri.

BAGAIMANA ELITELIFE SIGNATURE SAVER BOLEH MEMBANTU BEN?

Ben, berusia 30 tahun, ingin membina kekayaan untuk memenuhi matlamat kewangannya. Beliau membuat keputusan untuk melanggan **EliteLife Signature Saver** dengan premium bulanan RM3,000 dan memilih Pilihan Pelan **Wealth-15**. Pelan ini akan membantu Ben membuat simpanan tetap setiap bulan.


Premium Bulanan: **RM3,000** untuk 3 tahun
Jumlah Premium Dibayar: **RM108,000**
Nilai Muka Asas: **RM43,374**
Pilihan Pelan: **Wealth-15**
Tujuan: Simpanan berdisiplin



90 hari sebelum penciptaan **Wealth Pot** (Ben berusia 45 tahun), Ben mempunyai fleksibiliti untuk menukar pilihan berasaskan keperluan kewangannya:

Kekalkan keputusan awal	Wealth-15	Terima Wealth Pot sebagai bayaran sekali gus bagi memenuhi matlamat kewangan dan polisi matang.
Pilihan lain	Wealth-88	Wealth Pot terus dilaburkan dalam Manulife Universal Life Fund sehingga usia 88 tahun untuk berkembang dengan kadar faedah kredit bulanan. Apabila matang, Ben akan menerima 110% Nilai Akaun.
	Wealth-88-Plus	Wealth Pot terus dilaburkan dalam Manulife Universal Life Fund sehingga usia 88 tahun untuk berkembang dengan kadar faedah kredit bulanan, dan menerima pembayaran Pendapatan Tahunan ⁹ sebanyak 5% daripada Nilai Akaun. Apabila matang, Ben akan menerima 110% daripada baki Nilai Akaun.

APA YANG BEN AKAN DAPAT?



Pulangan Tahunan berdasarkan pembelian Ben:

Akhir Tahun Polisi ke-15		
Manfaat terjamin sahaja		0.77%
Jumlah manfaat (termasuk yang tidak dijamin)	Senario X	0.77%
	Senario Y	1.74%

Premium yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua unsur simpanan dan perlindungan produk, cth. manfaat kematian. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan unsur simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan polisi ini dengan pulangan berkesan alternatif pelaburan lain.

Nota: Nilai akaun yang ditunjukkan di sini tidak terjamin. Angka diunjurkan berasaskan andaian yang digunakan dalam Senario X dan Y dalam Ilustrasi Produk. Kadar Faedah Kredit (kasar) yang digunakan untuk unjuran di bawah Senario X dan Y ialah 2% dan 5% setahun masing-masing.

Senario di atas mengandaikan Pemilik Polisi memilih untuk menerima semua GCP apabila dibayar. 35

BAGAIMANA ELITELIFE SIGNATURE SAVER BOLEH MEMBANTU LYNN?


Lynn, berusia 50 tahun, bercadang untuk mempelbagaikan dan mengembangkan simpanan dalam portfolio berbeza. Beliau membuat keputusan untuk melanggan **EliteLife Signature Saver** dengan premium tahunan RM50,000 dan membuat Pilihan Pelan **Wealth-88**.

Premium Tahunan: **RM50,000** untuk 3 tahun
Jumlah Premium Dibayar: **RM150,000**
Nilai Muka Asas: **RM60,241**
Pilihan Pelan: **Wealth-88**
Tujuan: Pelbagaikan simpanan

90 hari sebelum penciptaan **Wealth Pot** (Lynn berusia 65 tahun), Lynn mempunyai fleksibiliti untuk menukar pilihan berasaskan keperluan kewangannya:

Kekalkan keputusan awal	Wealth-88	Wealth Pot terus dilaburkan dalam Manulife Universal Life Fund sehingga usia 88 tahun untuk berkembang dengan kadar faedah kredit bulanan. Apabila perlu, Lynn boleh membuat pengeluaran daripada Nilai Akaun pada bila-bila masa tanpa sebarang caj. Beliau juga boleh mencipta Polisi Amanah ¹² untuk mengagihkan baki Nilai Akaun kepada generasi depan selepas pemergiannya. Apabila matang, Lynn akan menerima 110% daripada Nilai Akaun.
Pilihan lain	Wealth-88-Plus	Wealth Pot terus dilaburkan dalam Manulife Universal Life Fund sehingga usia 88 tahun untuk berkembang dengan kadar faedah kredit bulanan, dan menerima pembayaran Pendapatan Tahunan ⁸ sebanyak 5% daripada Nilai Akaun. Jumlah ini boleh digunakan sebagai sebahagian daripada pendapatan persaraan. Apabila matang, Lynn akan menerima 110% daripada baki Nilai Akaun.
	Wealth-15	Terima Wealth Pot sebagai bayaran sekali gus dan polisi matang.

APA YANG LYNN AKAN DAPAT?



Pulangan Tahunan berdasarkan pembelian Lynn:

		Akhir Tahun Polisi ke-15	Pada Kematangan
Manfaat terjamin sahaja		0.77%	–
Jumlah manfaat (termasuk yang tidak dijamin)	Senario X	0.77%	1.09%
	Senario Y	1.80%	3.16%

Premium yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua unsur simpanan dan perlindungan produk, cth. manfaat kematian. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan unsur simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan polisi ini dengan pulangan berkesan alternatif pelaburan lain.

Nota: Nilai akaun yang ditunjukkan di sini tidak terjamin. Angka diunjurkan berasaskan andaian yang digunakan dalam Senario X dan Y dalam Ilustrasi Produk. Kadar Faedah Kredit (kasar) yang digunakan untuk unjuran di bawah Senario X dan Y ialah 2% dan 5% setahun masing-masing. Senario di atas mengandaikan Pemilik Polisi memilih untuk menerima semua GCP apabila dibayar. 37

BAGAIMANA ELITELIFE SIGNATURE SAVER BOLEH MEMBANTU ADAM?



Adam ingin mengumpulkan kekayaan untuk anaknya, Anna, yang berusia 5 tahun. Beliau membuat keputusan untuk melanggan **EliteLife Signature Saver** dengan Anna sebagai Orang Yang Diinsuranskan. Plan ini disertakan bersama Pendapatan Tahunan yang boleh membantu menanggung perbelanjaan sara hidup Anna. Adam boleh membuat penyerahan hak untuk menukar pemilikan apabila Anna mencapai usia 18 tahun.


Premium Tahunan: RM120,000 untuk 3 tahun
Jumlah Premium Dibayar: RM360,000
Nilai Muka Asas: RM144,578
Pilihan Plan: **Wealth-88-Plus**
Tujuan: Simpanan untuk generasi depan



90 hari sebelum penciptaan **Wealth Pot** (Anna pada usia 20 tahun), Anna mempunyai fleksibiliti untuk menukar pilihan berasaskan keperluan kewangannya:

Kekalkan keputusan awal	Wealth-88-Plus	Wealth Pot terus dilaburkan dalam Manulife Universal Life Fund sehingga Anna mencapai usia 88 tahun untuk berkembang dengan kadar faedah kredit bulanan, dan menerima pembayaran Pendapatan Tahunan ⁸ daripada Nilai Akaun untuk menyokong perbelanjaan sara hidupnya. Apabila matang, Anna akan menerima 110% daripada baki Nilai Akaun.
Pilihan lain	Wealth-88	Wealth Pot terus dilaburkan dalam Manulife Universal Life Fund sehingga usia 88 untuk berkembang dengan kadar faedah kredit bulanan. Apabila matang, Anna akan menerima 110% daripada Nilai Akaun.
	Wealth-15	Terima Wealth Pot sebagai bayaran sekali gus untuk matlamat kewangan lain seperti pengajian lepas ijazah, dan polisi matang.

APA YANG ADAM AKAN DAPAT?



Pulangan Tahunan berdasarkan pembelian Adam:

		Akhir Tahun Polisi ke-15	Pada Kematangan
Manfaat terjamin sahaja		0.77%	–
Jumlah manfaat (termasuk yang tidak dijamin)	Senario X	0.77%	0.84%
	Senario Y	1.84%	2.88%

Premium yang anda bayar menyumbang kepada kedua-dua unsur simpanan dan perlindungan produk, cth. manfaat kematian. Jika anda sedang mencari produk kewangan dengan unsur simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan tahunan polisi ini dengan pulangan berkesan alternatif pelaburan lain.

Nota: Nilai akaun yang ditunjukkan di sini tidak terjamin. Angka diunjurkan berasaskan andaian yang digunakan dalam Senario X dan Y dalam Ilustrasi Produk. Kadar Faedah Kredit (kasar) yang digunakan untuk unjuran di bawah Senario X dan Y ialah 2% dan 5% setahun masing-masing. Senario di atas mengandaikan Pemilik Polisi memilih untuk menerima semua GCP apabila dibayar. 39

MAKLUMAT PENTING

Jenis Produk	Pelan endowmen hayat universal
Usia Penyertaan Orang Yang Diinsuranskan	14 hari hingga 70 tahun
Premium Tahunan Minima	RM35,000
Mod Pembayaran Premium	Bulanan, Suku Tahunan, Separuh Tahunan dan Tahunan

Pilihan Pelan	Tempoh Pembayaran Premium	Tempoh Perlindungan
Wealth-15	3 tahun	15 tahun
Wealth-88		Sehingga Orang Yang Diinsuranskan berusia 88 tahun
Wealth-88-Plus		Sehingga Orang Yang Diinsuranskan berusia 88 tahun dengan Pendapatan Tahunan dari Tahun Polisi 16 ke atas

MAKLUMAT PENTING MENGENAI CAJ POLISI

Caj Bulanan

Caj akan dipotong pada awal setiap bulan.

Caj Premium Tertunda	2.8% setahun daripada Nilai Akaun Asas untuk 10 tahun polisi pertama
Caj Pentadbiran	Berasaskan mod pembayaran premium: Mod bulanan – RM6.00 sebulan Mod lain – RM5.00 sebulan
Caj Pengurusan Dana	0.9% setahun daripada Nilai Akaun
Caj Insurans	Dalam tempoh 15 tahun pertama, jumlah caj dikenakan bergantung kepada faktor seperti jumlah berisiko, usia dicapai dan status merokok

Caj Bersyarat

Caj Cuti Premium (Dicaj pada awal setiap bulan polisi hanya jika premium masih tidak dibayar pada akhir tempoh tenggang)	Amaun yang dicaj adalah dikira berdasarkan: (Faktor Caj Cuti Premium x Premium Tahunan)	
	12	
	Tahun Polisi	Faktor Caj Cuti Premium
	1 - 3	45%

Caj Bersyarat (Samb.)

Caj Serahan	Caj Serahan hanya dikenakan jika anda membuat keputusan menyerahkan sepenuhnya atau sebahagian daripada Nilai Akaun Asas			
	Tahun Polisi	Caj Serahan (% Nilai Akaun Asas Diserahkan)	Tahun Polisi	Caj Serahan (% Nilai Akaun Asas Diserahkan)
	1	60%	9	10%
	2	50%	10	8%
	3	40%	11	8%
	4	30%	12	8%
	5	25%	13	8%
	6	20%	14	4%
	7	15%	15	2%
	8	10%		

Manulife akan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari terlebih dahulu tentang sebarang perubahan yuran dan caj. Untuk butiran lanjut, sila rujuk kepada kontrak polisi.

PENGECUALIAN

Kejadian yang tidak dilindungi:

1. Kematian disebabkan bunuh diri, sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman, dalam masa 13 bulan dari Tarikh Pengeluaran atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, mana yang kemudian.
2. Sebarang kehilangan upaya atau kematian akibat kemalangan yang secara langsung atau tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya, disebabkan oleh percubaan membunuh diri, kecederaan disengajakan, perbuatan jenayah, perkhidmatan dalam tentera udara atau tentera laut semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, kegiatan penerbangan selain sebagai penumpang yang membayar tambang untuk penerbangan penumpang komersial, penyertaan dalam sebarang kegiatan yang membahayakan, seperti tetapi tidak terhad kepada mendaki gunung, menyelam skuba, luncur udara dan sebagainya.
3. Kehilangan upaya yang sedia ada. Sebarang tuntutan yang timbul daripada dan/atau disebabkan secara langsung atau tidak langsung, seluruhnya atau sebahagiannya, daripada Kehilangan Upaya di mana Orang Yang Diinsuranskan telah:
 - a) menerima nasihat; dan/atau
 - b) pernah dirawat,

daripada pengamal perubatan, kiropaktor, ahli naturopati dan pengamal lain yang seumpamanya dalam tempoh 12 bulan sebaik sebelum tarikh pengeluaran polisi.

Senarai pengecualian di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk atau kontrak polisi untuk butir-butir penuh pengecualian.

NOTA PENTING

- 1. Produk ini merupakan produk insurans yang terikat kepada prestasi aset-aset dasar dan bukan produk pelaburan semata-mata seperti unit amanah.
- 2. Sila ambil perhatian bahawa polisi insurans hayat adalah satu komitmen jangka panjang. Anda tidak dinasihatkan untuk memegang polisi ini bagi jangka yang pendek memandangkan ia mempunyai kos permulaan yang tinggi. Jika anda menamatkan polisi anda pada tahun-tahun yang awal, anda mungkin mendapat balik kurang daripada jumlah amaun yang anda telah bayar.
- 3. Anda hendaklah memastikan bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah kontrak polisi.
- 4. Anda diberi "Tempoh Percubaan Percuma" 15 hari dari tarikh penerimaan kontrak polisi, untuk menilai kesesuaian pelan insurans yang baru anda beli. Jika anda memulangkan kontrak polisi kepada Manulife dalam tempoh ini, Jumlah Premium Dibayar, termasuk Premium Tambahan disebabkan bebanan (jika ada) dan (ditolak sebarang yuran pemeriksaan perubatan yang telah ditanggung) akan dipulangkan kembali kepada anda dan Polisi ini akan dibatalkan.
- 5. Premium dan/atau Caj Polisi, yang mana berkenaan, mungkin tertakluk kepada cukai-cukai yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa. Manulife berhak untuk menuntut daripada anda amaun yang bersamaan dengan cukai yang perlu dibayar bagi premium dan/atau Caj Polisi, yang mana berkenaan, pada kadar semasa. Kewajipan anda untuk membayar cukai-cukai tersebut akan termaktub dalam terma dan syarat polisi insurans anda.
- 6. Anda diberikan tempoh tenggang selama tiga puluh (30) hari dari tarikh akhir untuk membayar premium. Dalam tempoh tersebut, polisi anda akan terus berkuat kuasa. Bagaimanapun, jika pada akhir tempoh tenggang, terdapat premium dan Caj Polisi tidak berbayar dan nilai dalam Akaun Asas tidak mencukupi untuk membayar Caj Polisi, polisi akan ditamatkan dan Nilai Akaun GCP(jika ada) akan dibayar.
- 7. Kadar Faedah Kredit bergantung kepada pulangan pelaburan sebenar. Untuk mengelakkan turun naik yang tinggi, mekanisme penyelarasan akan digunakan semasa penentuan Kadah Faedah Kredit. Dengan metodologi ini, Kadar Faedah Kredit akan "diselaraskan" di mana pada tahun-tahun Manulife mencatatkan prestasi pelaburan yang baik, Syarikat mungkin menyimpan sebahagian keuntungan dan menggunakannya pada tahun-tahun di mana pulangan pelaburan kurang memuaskan. Bagaimanapun, strategi penyelarasan ini tidak memberi jaminan perlindungan daripada keputusan kurang baik kepada Pemilik Polisi. Jika pulangan pelaburan kurang baik berterusan selama beberapa tahun, Kadar Faedah Kredit yang rendah boleh dilanjutkan untuk tempoh yang panjang.
- 8. Selepas penciptaan **Wealth Pot** pada akhir Tahun Polisi Ke-15, sebarang amaun dalam Akaun GCP akan dipindahkan ke Akaun Asas dan ditakrifkan sebagai Nilai Akaun. Sebarang pengeluaran mulai Tahun Polisi Ke-16 tidak akan dikenakan caj pengeluaran.
- 9. Nilai Akaun adalah jumlah nilai dalam Akaun Asas dan Akaun GCP (jika ada) pada mana-mana masa yang tertentu.
- 10. Komisen ditolak berdasarkan premium yang dibayar dan ditanggung sepenuhnya oleh Pemilik Polisi. Sila rujuk jadual di bawah untuk komisen yang dibayar berdasarkan premium tahunan RM36,000 untuk tempoh pembayaran premium 3 tahun.

Tahun Polisi	Kadar Potongan Premium untuk Komisen	Komisen Sebenar Dibayar Setiap Tahun (RM)
1	8.00%	2,880
2	4.75%	1,710
3	2.25%	810

NOTA PENTING (SAMB.)

- 11. Semua usia di brosur merujuk kepada usia pada harijadi berikutnya.
- 12. Risalah ini bertujuan untuk memberi maklumat am sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai kontrak insurans. Anda harus merujuk kepada Ilustrasi Produk dan Lembaran Pendedahan Produk untuk maklumat terperinci manfaat, terma dan syarat.
- 13. Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

NOTA-NOTA PRODUK

- 1 GCP akan dibayar daripada Akaun Asas. Ia hanya akan dibayar dengan syarat tiada premium tertunggak. Anda boleh membuat keputusan untuk menerima GCP atau menyimpan GCP dengan Manulife. Jika anda membuat keputusan menyimpan GCP dengan Manulife, jumlah tersebut akan mencipta Nilai Akaun GCP yang akan dilaburkan ke dalam Manulife Universal Life Fund dan dikumpulkan dengan Kadar Faedah Kredit. Pengeluaran dari Akaun GCP tidak tertakuk kepada sebarang caj atau yuran.
- 2 Kadar Faedah Kredit yang diisytiharkan adalah tidak dijamin dan mungkin turun naik bergantung kepada pulangan pelaburan sebenar dana. Satu mekanisme penstabil akan diguna pakai oleh Manulife untuk menentukan Kadar Faedah Kredit. Kadar Faedah Kredit tertakluk kepada Cukai Pendapatan Pelaburan dan Caj Pengurusan Dana. Sila rujuk kepada lembaran fakta dana untuk maklumat lanjut.
- 3 Perlindungan TPD adalah sehingga tahun polisi ke-15 atau sehingga usia Orang Yang Diinsuranskan 70 tahun, yang mana lebih awal.
- 4 Untuk pilihan pelan Wealth-88 dan Wealth-88-Plus, Nilai Akaun akan dibayar jika kematian Orang Yang Diinsuranskan berlaku dari tahun polisi ke-16, polisi akan tamat selepas pembayaran.
- 5 Jumlah Premium Dibayar ialah jumlah premium (tidak termasuk Premium Tambahan akibat bebanan, jika ada) yang diterima oleh Manulife atas polisi asas dari tarikh pengeluaran sehingga tarikh kematian atau bermulanya kehilangan upaya Orang Yang Diinsuranskan.
- 6 ADB hanya terpakai jika usia kemasukan adalah 60 tahun ke bawah, perlindungan adalah sehingga tahun polisi ke-15 atau sehingga Orang Yang Diinsuranskan berusia 65 tahun, yang mana lebih awal. Tertakluk kepada terma dan syarat. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk butiran lanjut.
- 7 Jika Jaminan Tidak Luput telah dimansuhkan, amaun dalam **Wealth Pot** adalah berasaskan hanya Nilai Akaun Asas ditambah Nilai Akaun GCP.
- 8 Pendapatan tahunan dibayar bermula dari Tahun Polisi ke-16 menerusi pengeluaran daripada Nilai Akaun dan hanya akan dibayar dengan syarat baki Nilai Akaun selepas setiap bayaran adalah sekurang-kurangnya RM5,000. Pendapatan tahunan akan tamat selepas kematian atau kematangan polisi, yang mana lebih awal.
- 9 Fleksibiliti pertukaran hanya dibenarkan untuk dilaksanakan dalam tempoh yang dinyatakan di atas. Pemberitahuan akan dihantar kepada Pemilik Polisi. Jika tiada jawapan diterima, Manulife akan terus mentadbir polisi mengikut pelan yang sedia ada.
- 10 Digabungkan bersama polisi Universal Life jenis serupa lain yang dikeluarkan oleh Manulife ke atas hayat yang sama.
- 11 Dengan syarat semua premium telah dijelaskan tepat pada masanya.
- 12 Polisi Amanah diwujudkan apabila Pemilik Polisi melantik suami/isteri atau anaknya sebagai Penama, melayakkan Penama menerima Manfaat Kematian. Ini bermakna pemiutang harta pusaka tidak boleh membuat tuntutan ke atas Manfaat Kematian. Jika tiada suami/isteri atau anak pada masa penamaan, Polisi Amanah juga boleh diwujudkan apabila ibu atau bapa dinamakan sebagai Penama. Sila ambil perhatian bahawa ini mungkin tidak terpakai kepada Pemilik Polisi Muslim.

Who can you talk to?

您可向谁查询详情? / *Siapa yang boleh anda hubungi?*

Should you require additional information about this plan, please contact your authorised bank representative or visit any Alliance Bank branch.

若您需要关于此计划的额外资讯, 请联络您的授权银行代表, 或亲临任何安联银行分行。

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang pelan ini, sila hubungi wakil sah bank anda atau kunjungi mana-mana cawangan Alliance Bank.

This product is underwritten by / 本产品的承保公司 / *Produk ini ditaja jamin oleh:*

Manulife Insurance Berhad 200801013654 (814942-M)

A company licensed under Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

一家依据 2013 年金融服务法令而获得营业执照的公司, 并受马来西亚国家银行管制。

Sebuah syarikat yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

HEAD OFFICE / 总公司 / IBU PEJABAT

Level 16 Menara Manulife

6 Jalan Gelenggang

Damansara Heights

50490 Kuala Lumpur

Tel / 电话 : 6(03)-2719 9228

Website / 网址 / *Laman Web* : www.manulife.com.my

Customer Careline / 顾客关怀热线 / *Talian Bantuan Pelanggan* : 6(03)-2719 9112 / 1300-13-2323

This product is distributed by / 此项产品的经销公司 / *Produk ini diedarkan oleh:*

Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W)

HEAD OFFICE / 总公司 / IBU PEJABAT

3rd Floor Menara Multi-Purpose

Capital Square

No. 8 Jalan Munshi Abdullah

50100 Kuala Lumpur

www.alliancebank.com.my

Contact Centre Number : 03-5516 9988



Underwritten by: Manulife Insurance Berhad 200801013654 (814942-M)

03/2025